




HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 18 MEI SEHINGGA 24 MEI 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROL **RON95** DAN **DIESEL** BAGI TEMPOH DI ATAS ADALAH **DIKEKALKAN** PADA PARAS **RM2.08** SELITER DAN **RM2.18** SELITER BERIKUTAN KEPUTUSAN KERAJAAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 18 MEI 2019 SEHINGGA 24 MEI 2019

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 18 Mei 2019 sehingga 24 Mei 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 turun sebanyak 2 sen seliter iaitu daripada RM2.70 seliter kepada RM2.68 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.38 seliter dan RM2.45 seliter masing-masing. Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh 18 Mei 2019 sehingga 24 Mei 2019 adalah berjumlah RM99.19 juta.

Produk	Harga Jualan Runcit Berdasarkan APM (RM/liter)	Harga Jualan Runcit Yang Ditetapkan (RM/liter)	Anggaran Tanggungan Subsidi Kerajaan Bagi Tempoh 18 Mei 2019 Sehingga 24 Mei 2019 (RM' Juta)
RON97	2.68	2.68	Tiada
RON95	2.38	2.08	72.50
Diesel	2.45	2.18	26.69
Jumlah Keseluruhan			99.19

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
17 Mei 2019

Tweet

Like Be the first of your friends to like this.